

Majlis Doa Selamat

Bangunan Pejabat Baru di NeoCyber

Sempena siapnya pembinaan Bangunan Pejabat di NeoCyber pada bulan November 2010 yang lalu, satu Majlis Doa Selamat telah diadakan pada 8 Disember 2010. Walaupun hujan semasa majlis itu diadakan, semangat yang ditunjukkan oleh kakitangan perunding-perunding, kontraktor dan hadirin lain di majlis ini amat dihargai dan berharap ini adalah "hujan rahmat".

Majlis Doa Selamat ini telah dipimpin oleh Cikgu Aziz dan turut dihadiri oleh Tan Sri Datuk Hj Mustapha Kamal. Majlis Doa Selamat ini diadakan atas rasa syukur kepada Yang Maha Esa dan tanda terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menyiapkan bangunan ini.

Acara "kejutan" yang berlangsung semasa majlis itu adalah sambutan hari lahir Mr Ling Tick Lee oleh kakitangan Laketown Sdn Bhd atas jasa beliau sepanjang menjadi ketua di NeoCyber sebelum ini.

NeoCyber mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir ke Majlis Doa Selamat yang telah diadakan ini dan semoga semuanya berjalan lancar dan dirahmati oleh Yang Maha Esa.

